



**SIRI KHUTBAH JUMAAT DALAM MAJALAH
PENGASUH: TINJAUAN TERHADAP TAJUK DAN
GAYA PENULISAN**

Oleh:
Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*

ABSTRACT

Siri Khutbah Jumaat or “Friday Sermon Series” had been one of the regular columns in Pengasuh magazine since 1975. Originally, it was texts of Friday sermon read in Friday prayers in the state of Kelantan. This article analyses 29 sermons which were published during the 1980’s. It focuses on the topics of the sermons and their writing styles. The analysis finds that the topics addressed various issues pertinent to the people of Kelantan at that time. In doing so, numerous approaches were applied in the writing of the sermons such as explanation, persuasion, reminder, and warning for the undesirable deeds. All these were done with an expectation that the messages in the Friday sermons might be better understood by the audients and thus practiced by them in their daily life.

Keywords: *Friday Sermon Series, Pengasuh Magazine, Style dan Writing Theme*

* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, MA, Pensyarah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

ABSTRAK

Siri Khutbah Jumaat merupakan salah satu ruangan tetap dalam majalah Pengasuh sejak tahun 1975. Ianya merupakan teks-teks khutbah yang pernah dibacakan di mimbar masjid di seluruh negeri Kelantan. Makalah ini membincangkan mengenai siri khutbah Jumaat yang pernah diterbitkan dalam majalah Pengasuh sepanjang tahun 80-an sahaja. Sebanyak 29 siri khutbah dipilih untuk dianalisis mengenai tajuk dan gaya penulisannya. Dari keseluruhan sample yang dipilih didapati bahawa tajuk-tajuk khutbah adalah bersesuaian dengan persoalan semasa masyarakat Kelantan dalam tahun 80-an. Pelbagai pendekatan digunakan dalam penulisan khutbah seperti penjelasan, pemujukan, peringatan dan ada juga amaran tentang keburukan sesuatu perkara diperjelaskan dalam teks khutbah dengan harapan agar pengajaran khutbah itu dapat difahami dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat seharian.

Kata Kunci: *Siri Khutbah Jumaat, Majalah Pengasuh, Gaya dan Tema Penulisan*

PENDAHULUAN

Masjid dalam ertikata yang sebenar bukanlah hanya sebuah tempat ibadah ritual sempit yang difahami oleh segelintir umat Islam. Ia merupakan tempat kegiatan dan dakwah islamiah untuk menyuburkan kefahaman dan penghayatan Islam dalam masyarakat. Pelbagai cara dan pendekatan telah digunakan oleh para ulama dari dulu hingga ke hari ini dalam usaha mengajak manusia agar menghampiri dan sentiasa terikat hati sanubari mereka dengan masjid. Keterikatan hati seorang mukmin dengan masjid adalah petanda kepada keimanan yang jitu dalam dirinya dan kejayaannya untuk mendapat rajmat ilahi seperti berada di bawah Arasy Ilahi di padang Mahsyar. Antara hadith baginda s.a.w yang menjelaskan hal demikian ialah;

سبعة يظلهم الله في ظله يوم لا ظل إلا ظله، إمام عادل، وشاب نشأ في طاعة الله ورجل قلبه معلق بالمساجد، ورجلان تحابا في الله اجتمعا عليه وتفرقا عليه، ورجل دعتة امرأة ذات منصب وجمال فقال إني أخاف الله، ورجل تصدق بصدقة فأخفاها حتى لا تعلم شماله ما تنفق يمينه، ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه
(رواه البخاري ومسلم)

“Tujuh golongan yang dibayangi di bawah Arasy Ilahi pada hari yang tiada bayangan melainkan bayangan Arasy Allah; (1) Pemerintah yang adil, (2) pemuda yang membesar dalam ketaatan kepada Allah, (3) lelaki yang hatinya sentiasa bertaut dengan masjid, (4) dua orang yang saling berkasih penulisng kerana Allah, mereka bertemu dan berpisah kerana Allah, (5) lelaki yang digida oleh seorang wanita yang berpangat dan rupawan lantas dia mengatakan bahawa sesungguhnya aku takutkan Allah, (6) lelaki yang bersedekah dan menyembunyikan sedekahnya itu sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberi oleh tangan kanan dan (7) lelaki yang bila menungati Allah sendirian maka mengalirlah air matanya”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Antara media utama yang digunakan oleh Islam untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat ialah khutbah. Pendekatan khutbah merupakan pendekatan yang terbaik untuk memujuk dan menyampaikan sesuatu pengetahuan kepada khalayak jemaah yang menghadiri jemaah di masjid. Oleh kerana itulah, khutbah sering dikaitkan dengan perhimpunan jemaah yang ramai sama ada yang bersifat mingguan seperti khutbah Jumaat atau tahunan seperti khutbah dua hari raya. Keberkesanan khutbah dalam menyampaikan mesej atau sesuatu maklumat amat bergantung sekali kepada persediaan sebelum penyampaian khutbah, isi khutbah, tajuk dan penyampai khutbah itu sendiri yang dipanggil khatib atau imam masjid.¹

Suatu fenomena yang sering dilihat di serata masjid ialah jemaah tertidur sama ada kerana keletihan atau terlalu khusyuk mendengar khutbah yang disampaikan. Jika itulah fenomena yang berlaku dan akan terus berlaku, maka peranan utama khutbah itu sudah tidak mencapai matlamatnya. Pada peringkat awal Islam, khutbah disampaikan secara lisan dan sepontan dari hati dan perasaan khatib kepada para jemaah yang mendengarnya.² Khatib akan menyampaikan khutbah dengan penuh perasaan dengan harapan para jemaah dapat mengikuti perkembangan penyampaian khutbah dan memahaminya dengan baik sehingga memberi kesan yang mendalam dalam kehidupan. Oleh kerana itu didapati kesan langsung dari khutbah dapat dilihat dalam kehidupan seharian.

1 ‘Abd al-Khalīl Syalabī (1991), *al-Khiṭābah wa I’dad al-Khatīb*. al-Qāherah: Muassasah al-Khalij al-‘Arabi, h. 51.

2 Jamaluddin Haji Hashim (1971), *Khutbah Jumaat: Zaman Pembangunan dan Kesedaran*. Johor Bharu: Lembaga Penerbitan Agama Johor, h.71.

Makalah ini akan memilih beberapa teks khutbah yang pernah dibacakan di atas mimbar masjid di seluruh negeri Kelantan sekitar tahun 80-an. Pemilihan period masa kajian yang lebih tertumpu dalam tahun 80-an adalah kerana dalam desawarsa ini kebangkitan Islam di Malaysia dan seluruh dunia mula terserlah. Kebangkitan negara Islam ala-Syiah di Iran, perjuangan Mujahiden di Afganistan, kebangkitan gerakan Islam di Malaysia yang diterajui oleh ABIM, PAS dan sebagainya mula diperkatakan oleh seluruh masyarakat dalam desawarsa ini.

Teks-teks khutbah yang menjadi subjek kajian ini dipilih dari majalah *Pengasuh* yang sudah sekian lama menjadi lidah penghubung antara MAIK dan masyarakat Islam di Kelantan. Dari keluaran yang pertama 1918 lagi telah menampakkan bahawa *Pengasuh* bukanlah hanya sebuah majalah agama tetapi isinya sungguh luas selain bersifat agama, ianya merangkumi pengetahuan am, sejarah, hukum hakam Islam, tata negara, ilmu politik, ilmu ekonomi, psikologi, ruangan bahasa Melayu, bahasa Arab dan ruangan soal jawab serta berita dari dalam dan luar negara.³

Hasrat MAIK yang sebenarnya ialah ingin menjadikan *Pengasuh* sebagai lidah rasmi dalam menyebarkan pengajaran agama, nasihat dan teguran agama kepada orang ramai. Antara usaha *Pengasuh* untuk mendokumentasikan khutbah yang pernah dibaca di atas mimbar masjid di seluruh negeri Kelantan ialah dengan menerbitkan semula khutbah tersebut dalam siri khutbah yang disiarkan di halaman belakang dalam setiap keluaran *Pengasuh*. Oleh yang demikian, MAIK merasa bangga kerana *Pengasuh* dapat dilangsungkan penerbitannya walaupun menghadapi berbagai masalah dan kerugian dari segi kewangan.⁴

Pelbagai tajuk dan pendekatan telah dikemukakan oleh sidang pengarang *Pengasuh* dalam mengisi ruangan majalah. Tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah sesuai dengan keperluan semasa yang perlu ditangani dengan baik oleh para ulama' di kalangan masyarakat Islam. Pendekatan yang dibawa kadangkala berbentuk menyeru, memujuk, dan menjelaskan akan sesuatu permasalahan adakalanya memberi amaran dan ancaman akan sesuatu kemungkaran yang dilakukan agar ianya segera dijauhi dan ditinggalkan.

Pada tahun pertama penerbitan, *Pangasuh* lebih tertumpu kepada perbincangan mengenai kebangkitan minda umat Melayu. Tajuk-tajuk perbincangan berlegar sekitar kesedaran dan pengetahuan umum. Sebagai contoh pada keluaran sulungnya, *Pengasuh* mengandungi enam tulisan

- 3 Manzaidi Mohd Amin (2001), "Sumbangan *Pengasuh* Tidak Pernah Berubah", *Utusan Malaysia*, 19hb. Jun 2001.
- 4 Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 20. Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK dengan no. 93/01635.

utama; (1) “Pembukaan” oleh Mahmud bin Ismail, (2) “Kemanusiaan” oleh Muhamad Yusof Awang Kenali, (3) “Kelebihan Hari Raya dan Hikmah Fitrah” oleh Haji Idris Hassan, (4) “Pekerjaan Melayu Purbakala” oleh Mahmud Daud, (5) “Kemajuan Surat Khabar dan Pgunaannya” oleh Dato’ Laksamana Muhammad bin Said dan (6) “Akhbar Dalam Negeri” oleh Ruangan Berita.

Setelah memasuki tahun berikutnya *Pengasuh* mula mempelbagaikan ruangan tetapnya termasuklah ruangan khutbah yang kebiasaanya diletak pada ruangan akhir majalah di sekitar halaman 51 atau 56. Penulis tidak dapat memastikan bilakah ruangan pertama mengenai khutbah Jumaat disiarkan dalam *Pengasuh*, namun dari pemerhatian dan kajian, penulis beranggapan besar kemungkinan ruangan ini mula diperkenalkan ketika *Pengasuh* di bawah pimpinan Dato’ Yusoff Zaky sekitar tahun 1975.⁵

PENERBITAN SIRI KHUTBAH JUMAAT DALAM *PENGASUH*

Makalah ini adalah hasil penelitian terhadap teks-teks khutbah Jumaat yang pernah disiarkan dalam majalah *Pengasuh* sekitar tahun 80-an. Secara lebih tepatnya, penulis memilih sebanyak 29 koleksi majalah *Pengasuh* yang pernah diterbitkan antara tahun 1980 hingga tahun 1987. Dalam tempoh ini Sidang Redaksi *Pengasuh* dibarisi oleh Dato’ Yusoff Zaky sebagai Ketua Pengarang dan dibantu oleh lima orang Penolong Pengarang yang silih berganti, dimulai (1) Ustaz Haji Hasan Idris, (2) Ismail Awang, (3) Muhammad Uthman el-Muhammadi, (4) Abdullah Yusof, dan (5) Muhammad bin Mahmud. Semasa kepimpinan Dato’ Yusoff Zaky menyaksikan peralihan Penolong Pengarang yang paling ramai dalam satu-satu masa. Tiga orang dilantik untuk membantu beliau dan jika salah seorang berundur maka akan diganti dengan individu yang lain. Paling akhir nama Penolong Pengarang yang tercatat dalam *Pengasuh* tahun 1990 ialah Muhammad Uthman el-Muhammadi, Abdullah Yusof, dan Muhammad bin Mahmud. Di bawah ini penulis perincikan tajuk khutbah dan bilangan keluaran yang menjadi sample kajian ini.

Pada tahun 1980 sebanyak tujuh khutbah disiarkan bermula pada (1) bulan Januari, bil. 448 “Menyambut Kedatangan Abad Ke-15 Hijrah”, (2) Februari, bil. 449 “Ciri Seorang Hamba Allah”, (3) Julai, bil. 453 “Menyambut Ketibaan Bulan Ramadhan”, (4) Ogos/September, bil. 454 “Kewajipan

5 Dato’ Yusof Zaky seorang tokoh persuratan Islam di Kelantan. Beliau banyak menulis makalah-makalah yang bersifat kesilaman dan sastera Islam. Antara usaha besar beliau ialah menubuhkan Pustaka Dian Press pada 2hb. March 1957 di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu. Dengan penubuhan itu beliau telah menerbitkan majalah Dian dan beberapa majalah lain disamping giat menulis dalam pelbagai bidang khususnya menterjemah tafsir al-Quran karya Syed Qutb yang kemudiannya diberi nama “Tafsir Di Bawah Bayangan al-Quran”.

Mendidik Anak dengan Ajaran Agama”, (5) Oktober, bil. 455 “Khutbah Hari Raya Korban”, (6) November, bil. 456 “Ajaran Sesat”, dan akhirnya (7) bulan Disember, bil. 457 “Kepentingan Menjaga Sembahyang”.

Dalam tahun 1981, hanya terdapat empat khutbah yang disiarkan (1) bulan Februari/Mac, bil. 459 “Ikatan Akidah Sesama Muslim”, (2) April/Mei/Jun, bil. 460 “Pendidikan Anak-Anak”, (3) Julai/Ogos, bil. 461 “Khutbah Hari Raya Fitri”, dan (4) September/Oktober, bil. 462 “Amr Makruf Nahi Munkar”. Tahun 1982, hanya enam khutbah disiarkan (1) Januari/Februari, bil. 463 “Keruntuhan Moral Remaja”, (2) Jun, bil. 464 “Konsep Ibadah Dalam Islam”, (3) Julai, bil. 465 “Fahaman Kebendaan Yang Terpesong”, (4) Ogos, bil. 466 “Menunaikan Zakat”, (5) September, bil. 467 “Hidup Bermasyarakat” dan (6) Oktober-Disember, bil. 468 “Beramal Sebelum Mati”.

Tahun 1983, terdapat empat siri khutbah disiarkan. (1) Jan-Mac, bil. 469 “Menyambut Maulid Rasul”, (2) April, bil. 470 “Ajaran Sesat”, (3) Mei/Jun, bil. 471 “Kemelesetan Ekonomi dan Wabak Penyakit”, (4) Julai/Ogos, bil. 472 “Kepentingan Ilmu Dalam Kehidupan”. Manakala tahun 1984 pula hanya terdapat dua siri khutbah sahaja yang disiarkan (1) Januari, bil. 473 “Peranan Masjid Dalam Islam” dan (2) Feb-Jun, bil. 474 “Peristiwa Isra’ dan Mikraj”.

Tahun 1985 terdapat empat siri khutbah yang disiarkan, bermula dengan (1) Februari/Mac, bil. 477 “Bahaya Pendakwah Palsu”, (2) April-Julai, bil. 478 “Membaca al-Quran di Bulan Ramadhan”, (3) Ogos-Oktober, bil. 479 “Keutamaan Mereka Yang Mendapat Hidayah”, dan (4) November/Disember, bil. 480 “Hikmah Dalam Berdakwah”. Tahun 1986 pula hanya terdapat satu siri sahaja yang disiarkan iaitu dalam keluaran Mac/Jun, bil. 482 “Penyalah Gunaan Dadah”. Untuk tahun 1987 terdapat dua siri khutbah disiarkan (1) Januari/Mac, bil. 485 “Konsep Agama Islam”, dan (2) April/Mei, bil. 486 “Kepincangan Akhlak Masyarakat Islam”.

Terdapat 29 tajuk khutbah telah dipilih secara keseluruhan berasaskan koleksi yang terdapat di perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri yang terdiri dari berbagai tajuk sepanjang tahun 80-an untuk dijadikan sample kajian ini. Oleh kerana pada tahun 1988 hingga 1990 tidak lagi terdapat penyiaran siri khutbah dimautkan dalam *Pengasuh* maka pemilihan sample hanya terbatas dari tahun 1980 hingga 1987 sahaja.

TAJUK-TAJUK KHUTBAH

Daripada 29 sample khutbah yang dipilih di atas menampakkan bahawa tajuk-tajuk khutbah yang pernah dibacakan di mimbar masjid seluruh Kelantan adalah sesuai dengan permasalahan masyarakat Islam pada ketika itu. Jika diklasifikasikan secara terperinci, didapati bahawa tajuk yang berkaitan dengan akidah islamiah terutama mengenai bahaya ajaran sesat dan pendidikan dalam Islam menjadi fokus utama khutbah Jumaat.

Tajuk-tajuk umum yang menyentuh persoalan semasa adalah amat sesuai dengan masa dan peristiwa yang menjadi fokus khutbah Jumaat. Sebagai contohnya, khutbah yang disampaikan sempena menyambut tahun baru hijrah,⁶ menyambut ketibaan bulan Ramadhan,⁷ khutbah hari raya korban,⁸ khutbah hari raya fitri,⁹ menyambut maulid rasul¹⁰ dan banyak lagi. Selain itu, tajuk-tajuk yang berkaitan dengan persoalan semasa umat Islam juga menjadi perhatian khutbah sepanjang desawarsa 80-an. Isu-isu berkaitan hubungan sesama muslim tanpa mengira fahaman politik dan bangsa turut menjadi topik khutbah.

Khutbah-khutbah yang disiarkan sekitar tahun 80-an lebih banyak berlegar mengenai hal-hal yang berkaitan dengan membina kekuatan dalaman umat Islam yang bermula dari pembentukan peribadi muslim yang utuh, kemudian penekanan terhadap pendidikan anak-anak dengan ajaran agama, galakan hidup bermasyarakat secara toleransi, menguatkan ketahanan ummah dengan melaksanakan amar makruf nahi munkar, dan akhirnya menyeru masyarakat Islam agar menghindari dari terpengaruh dengan ajaran sesat.

Perbincangan mengenai akidah dan keperibadian muslim yang utuh menjadi topik utama khutbah sepanjang tahun-tahun 80-an. Perbincangan itu dimulai dengan tajuk “ciri seorang hamba Allah” pada bulan Februari 1980 kemudian pada bulan November 1980 dengan tajuk “ajaran sesat”. Topik khutbah mengenai ajaran sesat beberapa kali dibacakan di mimbar jumaat kerana sekitar tahun-tahun 80-an beberapa ajaran dan amalan sesat begitu banyak tersebar di seluruh negeri Kelantan seperti ajaran Hassan Anak Harimau. Disamping topik akidah, pendidikan Islam juga ditekankan

6 “Menyambut Kedatangan Abad Ke-15 Hijrah”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.448, Januari 1980, h. 54.

7 “Menyambut Ketibaan Bulan Ramadhan”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.453, Julai 1980, h. 54.

8 “Khutbah Hari Raya Korban”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.455, Oktober 1980, h. 56.

9 “Khutbah Hari Raya Fitri”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.461, Julai/Ogos 1981, h. 55.

10 “Menyambut Maulid Rasul”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.469, Januari/Februari/Mac 1983, h. 56.

dalam khutbah Jumaat seperti “Kepentingan Ilmu Dalam Kehidupan”,¹¹ “Kewajipan Mendidik Anak Dengan Ajaran Agama”,¹² “Pendidikan Anak-anak” dan banyak lagi.

Gejala kepincangan akhlak masyarakat Islam di Kelantan sudah menunjukkan tahap yang tidak seharusnya dipandang sepi, oleh kerana itu tajuk-tajuk seperti “Kepentingan Menjaga Sembahyang”, “Amar Makruf Nahi Mungkar”, “Keruntuhan Moral Remaja”, “Hidup Bermasyarakat”, “Bahaya Pendakwah Palsu”, dan “Penyalahgunaan Dadah” mula dibaca untuk menasihati masyarakat. Khutbah-khutbah yang bersifat pemujukan seperti ini dapat menyedarkan masyarakat mengenai bahaya yang mengancam mereka.

GAYA PENULISAN KHUTBAH

Untuk membincangkan mengenai penulisan khutbah yang pernah disiarkan dalam majalah *Pengasuh* ini, penulis akan meletakkan beberapa ciri khutbah yang baik yang kemudiannya akan dibandingkan dengan khutbah yang pernah disiarkan dalam *Pengasuh* untuk melihat kekuatan dan kelemahan khutbah di Kelantan. Secara ringkasnya, terdapat dua asas pengukuran khutbah, pertama ialah keberlangsungan asas khutbah dan yang kedua struktur khutbah. Dua instrumen ini akan digunakan untuk melihat secara retoriknya keberkesanan khutbah di Kelantan sekitar tahun 80-an yang menjadi fokus kajian ini.

Dr. Abdul Khalil Syalabi menyatakan bahawa terdapat tiga unsur utama yang menentukan keberkesanan sesuatu khutbah yang disampaikan. Pertama; pemilihan tajuk khutbah yang sesuai, kedua; keseragaman kandungan khutbah dengan tajuknya dan yang ketiga; berpijak pada asas logik rasional.¹³ Keupayaan seorang khatib memainkan emosi pendengar dengan penggunaan kata terpilih yang sesuai dengan tajuk khutbah banyak membantu keberkesanan khutbah yang disampaikan.¹⁴

Jika diperhatikan kepada sample-sample khutbah yang dipilih berdasarkan tiga kriteria yang dinyatakan di atas, penulis mendapati bahawa hampir semua tajuk khutbah adalah sesuai dengan persoalan semasa yang sedang dihadapi oleh masyarakat Islam pada ketika itu. Tajuk-tajuk khutbah yang menyentuh soal kepincangan masyarakat, persoalan akidah, pendidikan anak-anak, malah ada juga tajuk yang disentuh memang berkait

11 “Kepentingan Ilmu Dalam Kehidupan”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.472, Julai/Ogos 1983, h. 54.

12 “Kewajipan Mendidik Anak Dengan Ajaran Agama”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil. 454, Ogos/September 1980, h. 54.

13 Abdul Khalil Syalabi (1991), *op.cit.*, h. 30-34.

14 Peter Dixon (1991), *Retorik*, Nasir Hamzah Nasution (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42.

rapat dengan peristiwa pada ketika itu iaitu mengenai pembaziran dan penyebaran wabak penyakit. Teks-teks khutbah yang disiarkan itu mampu mengetuk hati sanubari dan membuka mata para pembaca mengenai isu dan persoalan yang berlaku di sekitar mereka. Kadangkala, ramai orang melihat apa yang mereka nampak, ramai orang mendengar apa yang berbunyi tetapi amat kurang mereka yang memerhati dan berfikir kembali tentang apa yang sedang berlaku dan sedang mereka saksikan. Dengan disiarkan kembali teks-teks khutbah yang pernah mereka dengar di mimbar-mimbar Jumaat dapatlah mengingatkan kembali apa yang pernah mereka dengar. Itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah SWT dalam surah al-‘Araf, ayat 179.

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ هُمْ قُلُوبٌ لَا
يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ ءَاذَانٌ لَا
يَسْمَعُونَ بِهَا ؕ أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلَّ هُمْ أَضْلُ ؕ أُولَئِكَ هُمُ
الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

“Dan sesungguhnya kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia Yang mempunyai hati, tidak mahu memahami dengannya, dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya, dan yang mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai”.

(Terjemahan Surah al-‘Araf, ayat 179)

Diperhatikan pula pada kriteria kedua dalam skala pengukuran keberkesanan khutbah iaitu kesatuan kandungan dengan tajuk khutbah yang disampaikan, penulis mendapati kebanyakan teks khutbah ditulis atau disusun dengan baik sehingga mempunyai keterkaitan yang amat rapat antara setiap perenggang ayat. Secara tradisinya, khutbah akan dimulai dengan ayat al-Quran atau hadith nabi yang menjadi tajuk khutbah. Kemudian, akan diberikan suatu gambaran permasalahan yang akan dibincangkan dalam khutbah tersebut dengan disokong pula oleh ayat-ayat al-Quran dan Hadith yang lain.

Struktur khutbah seperti inilah sering menjadi model khutbah yang digunapakai di kebanyakan masjid pada hari ini dan demikian jugalah dengan teks-teks khutbah yang menjadi sampel kajian ini. Sebagai contohnya,

teks khutbah bulan Ogos tahun 1982 yang membicarakan mengenai “Menunaikan Zakat”.¹⁵ Khutbah ini dimulai dengan memuji Allah SWT dan selawat kepada baginda s.a.w serta menyeru umat Islam agar menghiiasi diri mereka dengan ketakwaan kepada Allah SWT. .Pemilihan ayat 5 dari surah al-Baiyinah adalah amat sesuai sekali untuk menarik perhatian pendengar mengenai tajuk khutbah.

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah Dengan mengikhlaskan Ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. dan yang demikian itulah agama yang benar”.

(Terjemahan Surah al-Baiyinah, ayat 5)

Setelah itu diterangkan hikmah kewajipan berzakat dan manfaatnya terhadap masyarakat. Teks itu juga menjelaskan bahawa “zakat bukanlah merupakan cukai tetapi ianya adalah satu fardhu dan tanggungjawab terhadap masyarakat”.¹⁶ Untuk menguatkan lagi kenyataan itu, dipetik sepotong ayat yang menjelaskan kefardhuan zakat. Khutbah itu diteruskan lagi dengan menyatakan sikap dan fenomena semasa masyarakat Islam terhadap kefardhuan berzakat;¹⁷

“Pada hari ini kita hanya nampak tanggungjawab kita hanyalah menunaikan atau mengeluarkan zakat fitrah semata-mata. Tanggapan sedemikian hendaklah sama-sama kita perbetulkan agar kita sama-sama terpelihara dari azab Allah”. Firman Allah taala;

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ
اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٦﴾ يَوْمَ تُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ

15 “Menunaikan Zakat”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil. 466, Ogos 1982, h. 59-60.

16 *Ibid*.

17 *Ibid*.

فَتَكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۗ هَذَا مَا كُنْتُمْ

لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنُزُونَ ﴿٣٥﴾

“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka Dengan (balasan) azab seksa Yang tidak terperi sakitnya. Pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka: “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu”.

(Terjemahan Surah al-Taubah, ayat 34 dan 35)

Kriteria ketiga ialah logik penghujahan atau juga disebut dengan *logos*. Keupayaan khatib menyampaikan khutbah dengan menggunakan hukum-hukum logik yang sesuai dengan pendengar akan memberi banyak kesan dan pengaruh terhadap sikap manusia. Keperluan kepada penggunaan logik yang sesuai adalah kerana manusia merupakan makhluk yang rasional yang sentiasa mengarah ke arah pemikiran yang logik.¹⁸ Penghujahan khatib dalam penyampaian khutbah dengan disokong oleh dalil-dalil yang bersifat logik dan data-data yang jelas akan menjadikan penyampaian khutbah itu lebih sempurna. Kesempurnaan ini akan membantu para pendengar memahami semua rangkaian hujahan dan alasan yang disampaikan.

Teks-teks khutbah yang pernah disiarkan dalam *Pengasuh* sepanjang tahun 80-an menunjukkan bentuk penghujahan logik yang baik dan sesuai dengan tahap pemikiran pembaca umum. Untuk melihat sejauhmana penggunaan logik dalam teks-teks khutbah tersebut penulis akan cuba menganalisis teks sample yang telah dipilih. Teks khutbah ini telah disiarkan dalam bulan Januari 1982 bertajuk “Keruntuhan Moral Remaja”. Khutbah ini dimulai dengan ayat al-Quran yang menjelaskan kesempurnaan akhlak Baginda SAW, kemudian, para pembaca dibawa untuk melihat senario semasa yang melanda umat Islam kini dengan pelbagai bentuk keruntuhan akhlak.

Teks khutbah ini cuba memujuk para pembaca agar berusaha membersihkan diri mereka dari segala noda dan nista akhlak yang keji.

18 Noroddzah Haji Siren (2003), “Retorik Pengucapan Khutbah Jumaat di Surau APIUM”, *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, APIUM, h. 64.

Pemujukan ini disokong dengan ancaman bahawa “keruntuhan moral itu seringkali dibaluti dengan bahaya yang boleh menimbulkan kerugian, kehancuran, dan seterusnya boleh membawa kepada pertumpahan darah”.¹⁹ Ancaman kehancuran yang dinyatakan itu disokong pula dengan ayat al-Quran surah al-An’am ayat 44.

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ فَتَحْنَا عَلَيْهِمَ أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ
حَتَّىٰ إِذَا فَرِحُوا بِمَا أُوتُوا أَخَذْنَاهُم بَغْتَةً فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ

“Kemudian apabila mereka melupakan apa yang telah diperingatkan mereka dengannya, Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersukaria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka secara mengejut (dengan bala bencana yang membinasakan), maka mereka pun berputus asa (dari mendapat sebarang pertolongan)”.

(Terjemahan Surah al-An’am, ayat 44)

Untuk menjelaskan lagi apakah yang dimaksudkan dengan keruntuhan moral itu, teks khutbah ini cuba memberi contoh-contoh yang sesuai dan sedang melanda umat Islam kini. Bermula dengan keruntuhan akhlak hati yang dipenuhi dengan maksiat. Lantaran hati yang kotor itu lahirlah manusia yang tidak dapat membezakan antara mana yang baik dan jahat dalam kehidupan mereka. Teks khutbah ini juga menyeru umat Islam agar menghindarkan diri dari pengaruh tamadun barat yang sudah rosak. Teks ini cuba memberi contoh daripada sikap buruk yang dibawa oleh tamadun Barat ialah hilangnya rasa cemburu terhadap maruah dan nilai-nilai agama. Akhirnya, khutbah ini menyeru semua sidang Jumaat agar kembali mencontohi kehidupan manusia agung iaitu Baginda SAW.

Pengunaan logik dalam teks ini amat baik sekali kerana penulisnya memulakan teks khutbah dengan permulaan yang menarik perhatian pembaca iaitu ayat al-Quran yang menyeru semua umat manusia mencontohi diri Baginda SAW kemudian pembaca didedahkan dengan senario semasa yang melanda umat Islam. Kerisauan yang mula timbul dalam diri pembaca dilanjutkan lagi dengan ancaman Allah SWT. terhadap mereka yang mengingkari perintah Yang Maha Agung. Beberapa ayat al-Quran dibawa untuk menyokong penghujahannya disamping contoh-contoh yang sesuai

19 “Keruntuhan Moral Remaja”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil. 463, Januari 1982, h. 59.

dibariskan bersama agar pembaca dapat memahami maksud penulis dengan sejasanya.

Dalam menyatakan kekuatan teks khutbah yang pernah disiarkan dalam majalah *Pengasuh* terdapat juga beberapa kelemahan yang masih boleh diperbaiki agar siri khutbah ini lebih banyak memberi penjelasan dan manfaat kepada para pembaca. Kelemahan ini semangnya tidak harus ditundingkan kepada Sidang Pengarang *Pengasuh* kerana ianya hanya bertindak sebagai penerbit yang bertujuan untuk menyebarkan teks khutbah yang pernah dibaca di atas mimbar-mimbar masjid. Selain itu juga penerbitan siri khutbah ini dapat membantu para imam untuk membuat persediaan khutbah mereka.

Secara umumnya, penulis dapati bentuk khutbah yang disiarkan itu keseluruhan strukturnya lebih berbentuk klasik. Bentuknya yang sedemikian amat berkait rapat dengan syarat dan rukun khutbah Jumaat itu sendiri seperti disyaratkan dalam kitab-kitab fekah. Tidak didapati dalam sample kajian suatu bentuk pendekatan baru yang boleh menarik perhatian pembaca atau pendengar cuba diketegahkan. Penggunaan contoh yang sesuai walaupun ada namun ianya terlalu umum dan tidak pernah dilampirkan sama sekali angka-angka petunjuk atau statistik yang menyokong contoh penghujahan. Kelemahan ini akan menjadikan siri khutbah sebagai suatu ritual agama yang tidak bermaya untuk memberi kesedaran yang jitu dalam perubahan sikap manusia. Alangkah baiknya jika siri khutbah ini dibantu dengan contoh-contoh semasa yang berkaitan dengan kehidupan seharian para pendengar disamping pemilihan tajuk tidak hanya tertumpu pada persoalan akidah, syariah dan akhlak semata-mata.

Sebenarnya amat banyak gejala sosial yang menjadi faktor kepada ketidakharmonian hidup umat Islam kini yang bukan hanya disebabkan oleh kelemahan iman. Tajuk khutbah yang menyeru umat Islam bangkit dari lena yang lama untuk merebut kembali apa yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada mereka boleh digarap kembali dan diberi keutamaan. Mungkin kerana telah terlalu lama kita dihidangkan dengan tajuk-tajuk yang berlegar dalam persoalan akidah, syariah dan akhlak dalam khutbah Jumaat sehingga timbul satu tanggapan dalam diri umat Islam bahawa perbincangan mengenai menjaga kebersihan, menjaga alam sekitar, keselamatan di jalan raya, dan banyak lagi yang berkaitan dengan persoalan manusia moden kini dianggap sebagai bukan khutbah agama.

KESIMPULAN

Usaha dan kegigihan *Pengasuh* untuk menerbitkan siri khutbah Jumaat adalah baik dan harus disokong. Kesungguhan ini walaupun tidak konsisten namun banyak manfaat dari penerbitan siri ini boleh diharapkan. Selain dari menjadi bahan rujukan kepada imam dan juga sebagai koleksi khutbah untuk bacaan umum masyarakat. Pasti pembaca setia majalah *Pengasuh* yang terdiri dari pegawai agama, para imam, bilal, dan masyarakat umum yang cintakan ilmu agama dapat mencedunk banyak mutiara nasihat yang dimuatkan dalam siri khutbah.

Dari perbincangan di atas menampakkan bahawa pemilihan tajuk dan tema khutbah yang pernah disiarkan dalam *Pengasuh* bersesuaian dengan kehendak dan persoalan semasa khalayak pembaca *Pengasuh* dalam tahun 80-an. Manakala gaya tulisan khutbah pula walaupun agak klasik namun ciri-ciri pemujukan, logik berfikir, gaya bahasa dan contoh-contoh yang diberikan adalah sesuai dengan tahap dan upaya pembaca *Pengasuh*. Walau sebanyak mana kebaikan yang dibuat oleh seseorang itu, ianya tidaklah bererti segala kelemahan yang berlaku harus diketepikan. Saranan penulis kepada panel penulis khutbah dan yang lebih bertanggungjawab ialah Majlis Agama Islam Kelantan haruslah menjadikan media khutbah sebagai wasilah yang amat berkesan untuk memperbetulkan segala kepincangan dan memberi jawapan kepada setiap persoalan semasa masyarakat. Oleh kerana itulah, satu panel yang cukup wibawa yang terdiri dari pakar sosial dan ulama' perlu dibentuk dan digembelangkan untuk menulis teks-teks khutbah Jumaat agar sesuai dengan kehendak dan persoalan semasa masyarakat Islam khususnya di Kelantan.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Khalṣṣl Syalabī (1991), *al-Khitābah wa I’dad al-Khatīb*. al-Qāherah: Muassasah al-Khalīj al-‘Arabī.
- “Kepentingan Ilmu Dalam Kehidupan”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.472, Julai/Ogos 1983.
- “Keruntuhan Moral Remaja”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.463, Januari 1982.
- “Kewajipan Mendidik Anak Dengan Ajaran Agama”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.454, Ogos/September 1980.
- “Khutbah Hari Raya Fitri”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.461, Julai/Ogos 1981.
- “Khutbah Hari Raya Korban”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.455, Oktober 1980.
- “Menunaikan Zakat”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.466, Ogos 1982.
- “Menyambut Kedatangan Abad Ke-15 Hijrah”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.448, Januari 1980.
- “Menyambut Ketibaan Bulan Ramadhan”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.453, Julai 1980.
- “Menyambut Maulid Rasul”, *Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, bil.469, Januari/Februari/Mac 1983.
- Dato’ Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 20. Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK dengan no. 93/01635.
- Jamaluddin Haji Hashim (1971), *Khutbah Jumaat: Zaman Pembangunan dan Kesedaran*. Johor Bharu: Lembaga Penerbitan Agama Johor.
- Manzaidi Mohd Amin (2001), “Sumbangan *Pengasuh* Tidak Pernah Berubah”, *Utusan Malaysia*, 19hb. Jun 2001.



Jurnal Usuluddin

Noroddzah Haji Siren (2003), “Retorik Pengucapan Khutbah Jumaat di Surau APIUM”, *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, APIUM.

Peter Dixon (1991), *Retorik*, (terj.), Nasir Hamzah Nasution. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.